

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 2/2015)**

TARIKH : 12 Jun 2015
TEMPAT : Bilik Zamrud, Aras 2, Blok G, Ibu Pejabat JKR Malaysia
JAM : 8.30 pg hingga 11.30 pg

AGENDA:

1. Kata-kata aluan Pengerusi Mesyuarat
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas
3. Makluman Status Tindakan Berbangkit
4. Status Pelaksanaan Aktiviti ECKM 2015 (Januari - Jun 2015) oleh Sr Roznita Othman
5. Laporan Status CoP (Januari - Jun 2015) oleh En Khairil Hizar Md Khuzaimah
6. Pembentangan Kertas Cadangan Program Pembudayaan Ilmu Tahunan dan Aktiviti Galakan Membaca
7. Perkongsian Ilmu oleh Pengurus Pengetahuan Cawangan Arkitek
8. Hal-Hal Lain

KEHADIRAN:

A. IBU PEJABAT

Bil	Nama Pegawai	Cawangan
1	Ir Hj Mohd Daud Harun (Pengerusi)	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
2	Sr Roznita Othman	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
3	Mohd Razif Bahari	Caw. Kejuruteraan Awam dan Struktur
4	Muhammad Hafidz Abd Aziz @ Ab. Halim	Caw. Kerja Bangunan Am 2
5	Nurfidatul Ema Saaidin	Caw. Kontrak dan Ukur Bahan
6	Ir Fithry Mohd Amir	Caw. Kejuruteraan Mekanikal
7	Nurul Huda Abdul Hadi	Caw. Kejuruteraan Elektrik
8	Abu Bakar Mohd Noor	Caw. Kerja Pendidikan
9	Badariah Mohd Saufi	Caw. Senggara Fasiliti Jalan
10	Mohd Sably Abd Latiff	Caw. Dasar dan Pengurusan Korporat
11	Norhashima Mohamed Sulaiman	Caw. Dasar dan Pengurusan Korporat
12	Ir Rosli Osman	Caw. Jalan
13	Khairil Hizar Md Khuzaimah	Caw. Perancangan Aset Bersepadu

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 2/2015)**

B. JKR NEGERI

Bil	Nama Pegawai	JKR Negeri
1.	Sr Zulkifle Mohammad	Pahang
2.	Mohamad Zaid Sulaiman	Perak
3.	Siti Norwahizan Misman	Kedah
4.	Mohd Mazly Mahani	Melaka
5.	Norzillfadzlina Zainol	WP Kuala Lumpur
6.	Mohd Rozi Awang	KESEDAR
7.	Ir Fazilah Musa	Selangor
8.	Normarlisa Ali	Negeri Sembilan

PERBINCANGAN MESYUARAT

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.0	<u>Kata Aluan</u>	
1.1	Ir. Hj. Mohd Daud Harun, selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua kerana dapat hadir ke mesyuarat ini.	Makluman
1.2	Pengerusi menyatakan bahawa lanjutan daripada penstrukturan organisasi yang telah melibatkan pertukaran tempat kerja dan perpindahan pegawai dan kakitangan ke sektor yang berbeza, tahap kompetensi individu yang terlibat perlulah dinilai semula supaya mereka boleh diberi pengetahuan yang diperlukan untuk menjalankan tugas. Sehubungan itu, Pengerusi meminta Pengurus Pengetahuan untuk merangka program yang bersesuaian bagi mempercepatkan proses pembelajaran mereka	Pengurus Pengetahuan
1.3	Pengerusi mengingatkan semua Pengurus Pengetahuan untuk menyediakan Laporan Pembudayaan Ilmu JKR 2015 (Januari - Jun) dan menghantar laporan kepada Urusetia.	Pengurus Pengetahuan
1.4	Pengerusi meminta Pengurus Pengetahuan untuk mempromosikan penggunaan JPedia dan JCoP di pejabat masing-masing dari semasa ke semasa.	Pengurus Pengetahuan

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 2/2015)**

2.0	<p><u>Pengesahan Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas</u></p> <p>Sr Zulkifle Mohammad (JKR Pahang) mencadangkan minit mesyuarat JKPPPI bil 1/2015 disahkan dan Muhammad Hafidz Abd Aziz @ Ab. Halim (Caw. Kerja Bangunan Am 2) menyokong minit mesyuarat diterima tanpa pindaan.</p>	
3.0	<p><u>Makluman Status Tindakan Berbangkit</u></p>	
3.1	<p>Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa pihak Urusetia sedang di dalam proses untuk mendokumenkan dan memuatnaik “success stories” projek JKR di JPedia. Ini termasuk mengadakan sesi temuramah pegawai yang terlibat (HOPT/HODT) di dalam projek-projek yang akan dikenalpasti untuk berkongsi ilmu, ‘lessons learnt’ serta pengalaman mereka dalam menguruskan projek tersebut.</p>	Sekretariat
3.2	<p>Pihak Urusetia mencadangkan projek yang memenangi Anugerah JKR dimuat naikkan ke dalam JPedia. Sr Zulkifle Mohammad mencadangkan pengerusi panel Anugerah Pengurusan Projek JKR untuk membentangkan penemuan dan ulasan ke atas projek yang memenangi anugerah.</p>	Sekretariat
3.3	<p>Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa pihak Urusetia telah berbincang dengan Unit Perpustakaan dan Sumber untuk mengadakan program galakan membaca di kalangan pegawai-pegawai JKR.</p>	Makluman
3.4	<p>Pihak Urusetia telah mengeluarkan surat pelantikan Pengurus Pengetahuan dan telah disampaikan oleh Pengerusi JKPPPI.</p> <p>Susulan daripada itu, pihak Urusetia pohon kerjasama semua Pengurus Pengetahuan untuk memaklumkan sebarang penggantian Pengurus Pengetahuan yang baru (sekira ada) agar surat perlantikan baru dapat dikeluarkan.</p>	Makluman Pengurus Pengetahuan
4.0	<p><u>Status Pelaksanaan Aktiviti ECKM 2015 (Januari - Jun 2015)</u></p> <p>Sr Roznita Othman telah membentangkan status pelaksanaan aktiviti ECKM bagi tahun 2015 (Januari - Jun 2015).</p>	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 2/2015)**

5.0	<u>Laporan Status CoP oleh En Khairil Hizar Md Khuzaimah (Januari - Jun 2015)</u>	
5.1	En Khairil Hizar Md Khuzaimah telah membentangkan laporan status JCoP terkini (Januari - Jun 2015).	Makluman
5.2	Sr Zulkifle Mohammad memohon perkembangan terkini mengenai domain portal JCoP yang menggunakan alamat http://jcop.vms.my . Sr Roznita Othman memaklumkan proses migrasi portal JCoP akan dilakukan bersama dengan portal JKR yang baharu.	Sekretariat dan BTM
6.0	<u>Pembentangan Kertas Cadangan Program Pembudayaan Ilmu Tahunan dan Aktiviti Galakan Membaca</u>	
6.1	Pn Norhashima Mohamed Sulaiman mewakili Pn Samsul Khamariah Hamzah (bercuti sakit) dari Unit Perpustakaan dan Sumber telah membentangkan cadangan Program Pembudayaan Ilmu JKR 2015 yang akan diadakan pada 20 dan 21 Oktober 2015.	Makluman
6.2	Mesyuarat bersetuju untuk menamakan Program Pembudayaan Ilmu JKR 2015 sebagai Persada Minda.	Unit Perpustakaan dan Sumber
7.0	<u>Perkongsian Ilmu oleh Pengurus Pengetahuan Cawangan Arkitek</u>	
7.1	Sesi taklimat terpaksa dibatalkan di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.	Makluman
7.2	Susulan daripada itu, Mesyuarat meminta Pengurus Pengetahuan Cawangan Arkitek untuk membentangkan taklimat perkongsian ilmu di mesyuarat JKPPPI yang akan datang.	Pengurus Pengetahuan Cawangan Arkitek
8.0	<u>Hal-hal lain</u>	
8.1	En Mohd Sably Abd Latiff memaklumkan Laman Web baru JKR sedang giat dibangunkan dan sebaik sahaja ianya telah disiapkan, pihak vendor akan mengadakan sesi latihan bersama pentadbir laman web.	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 2/2015)**

8.2	Sr Zulkifle Mohammad mencadangkan agar Unit ECKM mempunyai satu emel khusus seperti eckm@jkr.gov.my .	Sekretariat
8.3	Ir Rosli Osman memberi pendapat bahawa usaha pengurusan pengetahuan hendaklah memberi tumpuan kepada bisnes teras JKR dan melibat urus semua stakeholders supaya ia memberi impak positif ke atas prestasi projek JKR. Pengerusi menjelaskan bahawa perkara ini telah diambil kira dalam Strategic Framework JKR di bawah Tema 2 - Co Creation dengan pelanggan.	Makluman
9.0	<u>Penutup</u> Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan juga maklumbalas yang telah diberikan. Mesyuarat ditangguhkan kepada tarikh yang akan diberitahu kelak.	

Disediakan oleh:



.....
KHAIRIL HIZAR MD KHUZAIMAH
Penolong Pengarah Kanan
Unit ECKM
Caw. Perancangan Aset Bersepadu

Disemak oleh:



.....
Sr ROZNITA OTHMAN
Ketua Unit ECKM
Caw. Perancangan Aset Bersepadu